



## ZAKAT PULAU PINANG Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

### NOTIS JAWATAN KOSONG

**ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP** merupakan sebuah organisasi yang menguruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang. Visi kami adalah untuk menjadi sebuah organisasi terunggul dan berwibawa dengan bermisikikan pengurusan dana zakat dengan adil, cekap, telus dan berkesan serta menyedar dan mendidik umat Islam untuk menunaikan kewajipan berzakat di Zakat Pulau Pinang, MAINPP ke arah kesempurnaan ibadah.

Zakat Pulau Pinang, MAINPP memberi kemudahan kepada masyarakat Islam khususnya di Pulau Pinang bagi mendapatkan perkhidmatan pembayaran zakat mahupun bantuan daripada sumber zakat.

Bagi memastikan hasrat dan tanggungjawab ini tercapai, kami memerlukan calon-calon yang berkebolehan dan bermotivasi tinggi serta berminat membina kerjaya dengan kami bagi mengisi kekosongan yang ada.

### JAWATAN

1. Eksekutif Sumber Manusia
2. Juruanalisa Sistem

### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

#### Eksekutif Sumber Manusia

1. Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang berpengalaman / mempunyai pekerjaan tetap yang memiliki **Ijazah Sarjana Muda** dengan kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara.
  - 1.1 Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang **Pembangunan / Pengurusan Sumber Manusia**, atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
  - 1.2 Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang Sumber Manusia dalam hal-hal berkaitan pengurusan hal ehwal kakitangan berhubung perjawatan, persaraan, tatatertib dan surcaj.

## **Juruanalisa Sistem**

- 1.1 Warganegara Malaysia.
- 1.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 1.3 Memiliki sekurang-kurangnya Diploma atau Ijazah dalam Science Computer, Teknologi Maklumat, Software Engineering atau mana-mana yang berkaitan.
- 1.4 Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang berkaitan.
- 1.5 Mahir dalam bahasa pengaturcaraan terutamanya PHP.

## **SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN**

1. Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Calon-calun mestilah lulus sijil SPM / SPMV dengan memiliki sekurang-kurangnya kredit dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (termasuk Ujian lisan) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
3. Calon-calun juga perlu mempunyai pengetahuan asas tentang agama khususnya ilmu berkisar pengurusan zakat.

## **CARA MEMOHON**

1. Calon yang berminat dan memenuhi semua syarat-syarat, sila kemukakan:
  - i. Borang Permohonan Kerja yang boleh dimuat turun di laman web <http://www.zakatpenang.com> atau boleh diambil di ibu pejabat Zakat di Pulau Pinang.
  - ii. Mengemukakan Borang Permohonan Kerja dengan resume dengan Curriculum Vitae terbaru (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja dan sekeping gambar bersaiz pasport. Sila nyatakan gaji terkini dan gaji yang dipohon.
2. Hanya permohonan yang lengkap akan diterima.
3. Permohonan yang berikut akan ditolak :
  - i. Tidak lengkap atau tidak terang.
  - ii. Salinan dokumen-dokumen yang diperlukan tidak disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan.
  - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki.
  - iv. Tidak disertakan gambar berukuran pasport atau salinan dokumen yang diperlukan.
  - v. Tidak ditandatangani.

**Permohonan Dikemukakan Kepada:**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
ZAKAT PULAU PINANG  
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang  
No.4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**

Semua permohonan adalah sulit dan hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan mestilah sampai kepada pihak kami sebelum atau pada **29 Mac 2019 (Jumaat)**.